



TEKS UCAPAN

**YB DATO'SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

MAJLIS SEMARAK SINAR RAMADHAN 1436H/2015

27 JUN 2015 (SABTU)

**TAMAN SINAR HARAPAN TENGKU AMPUAN NAJIHAH
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Bismillahirahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

< SALUTASI >

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izinNya juga dapat kita berada dalam Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436H/2015 bersama-sama penghuni Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah, Seremban. Mudah-mudahan majlis ini akan mendapat keberkatan dan keredhaanNya.

2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa sempena bulan Ramadhan 1436 Hijrah, rasanya masih tidak terlewat walaupun sudah 10 hari kita berpuasa. Selamat datang saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan turut sama memeriahkan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436 Hijrah yang dianjurkan khusus untuk membolehkan saya mendekati kumpulan sasar KPWKM terutamanya Orang Kurang Upaya (OKU). Tidak lupa juga kepada pegawai dan kakitangan yang selama ini menyumbang bakti menjaga mereka sepanjang berada di sini. Saya dimaklumkan juga, majlis ini turut dihadiri oleh pemimpin tempatan dan komuniti yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu OKU di institusi dan juga di PDK. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan atas komitmen yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan.

3. Kedatangan Ramadhan bulan seribu rahmat setiap tahun amat ditunggu-tunggu, kerana di bulan ini, Allah SWT mengurniakan pelbagai rahmatnya seperti sabda Rasulullah S.A.W “Apabila tiba Ramadhan, telah dibuka pintu-pintu syurga, telah ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan”, hadis riwayat Al-Bukhari : 3277, Muslim : 1079. Marilah kita sama-sama merebut peluang dengan kemunculan bulan Ramadhan yang barakah untuk meringankan tangan memberi sumbangan dan memperbanyakkan amal jariah. Sesungguhnya “Roh Ramadhan” mengajar kita untuk bersama-sama menyempurnakan keimanan dan meningkatkan ketaqwaan. Antara ikhtibar syiar dalam Roh Ramadhan adalah:

- i. Renunglah bahawa rasa lapar, haus dan dahaga itu adalah gambaran kesusahan masyarakat yang miskin, terpinggir dan ditimpa bencana.

- ii. Menggalakkan amalan bersedekah kepada orang yang memerlukan, fakir miskin dan menyayangi anak-anak yatim.
- iii. Menganjurkan majlis berbuka puasa kepada umum.
- iv. Memperbanyak solat berjemaah, amalan-amalan sunat, berzikir, dan selawat ke atas nabi SAW.
- v. Mengambil diet pemakanan yang berkhasiat dan halal serta tidak membazir.
- vi. Meningkat disiplin diri, sifat penyabar, penyayang dan kekeluargaan.
- vii. Merasai dalam hati perasaan takut dan mengharap Rahmat Allah serta redha dengan ketentuan-Nya.

KEMUDAHAN KEPADA OKU

Para hadirin yang dirahmati sekalian,

- 4. Kementerian bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan menyediakan keperluan kepada golongan yang memerlukan perhatian istimewa. Untuk itu, kini terdapat 11 institusi OKU yang ditubuhkan oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat antaranya:

- i. 7 buah Taman Sinar Harapan
- ii. 2 Buah Bengkel Daya

iii. 1 Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi

iv. 1 Pusat Harian Bukit Tunku

5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM sedang giat mendaftarkan OKU bagi memastikan perancangan dan perkhidmatan yang bersesuaian dapat diberikan kepada mereka. Berdasarkan statistik pendaftaran OKU sehingga 22 Jun 2015, seramai **343,871 orang OKU** telah berdaftar dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU). Bilangan ini hanya meliputi 11% OKU yang berdaftar di negara ini. Ini adalah berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan bahawa golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan 10% daripada penduduk dunia. Malaysia mempunyai penduduk seramai lebih 30 juta. Berdasarkan statistik PBB ini, jumlah OKU di Malaysia dianggarkan berjumlah 3 juta orang. Ekoran itu usaha pendaftaran OKU perlu dipergiatkan lagi dengan ini saya menyeru KPWKM dan Agensi di bawahnya dapat menggerakkan kempen kesedaran pendaftaran OKU.

6. Kerajaan sentiasa memastikan keistimewaan dan kemudahan disediakan kepada OKU dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan mereka. OKU yang berdaftar akan dapat menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan antaranya:

i. Elaun Pekerja Cacat RM350.00 kepada OKU yang bekerja dan RM200.00 kepada OKU tidak berupaya bekerja;

- ii. Geran Pelancaran bagi menggalakkan OKU menceburι bidang perniagaan atau perusahaan kecil sebanyak RM2,700.00;
- iii. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan;
- iv. Perkhidmatan Institusi OKU; dan
- v. Perkhidmatan Job Coach sebagai salah satu inisiatif sokongan pekerjaan kepada OKU.

7. Kemudahan lain yang disediakan oleh Agensi Kerajaan dan Pihak Swasta adalah:

- i. Bantuan Kewangan Bagi OKU untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) yang diluluskan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada di bawah kawal selia KPT;
- ii. Diskaun 50% Bagi OKU yang menggunakan pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas, Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Perkhidmatan Komuter dan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS);
- iii. Pelepasan Cukai Pendapatan individu bagi OKU iaitu sebanyak RM6,000.00; dan

- vi. Pengecualian 100% Duti Eksais Kepada Kenderaan OKU Keluaran Tempatan.
- 8. JKM telah bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengadakan program Disability Equality Training (DET) bagi meningkatkan kesedaran mengenai ketidakupayaan kepada semua pegawai atasan bank dan Insurans.
- 9. Terkini, pihak Alliance Insurances telah melancarkan 3 produk khusus kepada OKU iaitu:
 - i. Insurans Nyawa;
 - ii. Insurans Kesihatan; dan
 - iii. Insurans Kemalangan Diri.

PROGRAM KEPADA OKU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE 11 (RMK 11)

Para hadirin yang dirahmati,

- 10. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) perjuangan kepada nasib golongan OKU sama sekali tidak dilupakan. Pelbagai program telah dirancang untuk memberi kesejahteraan kepada OKU. Antara Program yang dirancangkan adalah seperti berikut:
 - i. Bangunan kerajaan sedia ada akan ditambah baik bagi pematuhan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (*Uniform Building By Law-UBBL*).

- ii. Penubuhan 7 *Independent Living Centre* (ILC) berasaskan penglibatan NGO;
- iii. Penguatkuasaan undang-undang kecil bangunan seragam 1984 akan diperkuuh bagi memastikan kepada rekabentuk sejagat dan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU;
- iv. Akses yang lebih luas kepada pendidikan asas dan latihan kemahiran;
- v. Membangunkan Pelan Induk Inklusif PBT agar semua PBT mengambil langkah untuk menjadi mesra OKU;
- vi. JPOKU sebagai Clearing House/HubPusat rujukan untuk OKU mendaftar dan mengenalpasti OKU yang mempunyai kelayakan serta berminat menyertai sektor awam untuk mencapai dasar 1%; dan
- vii. Program perkhidmatan Job Coach kepada OKU oleh Individu terlatih bagi menggalakkan pekerjaan yang berkekalan kepada OKU.

PENUTUP

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan waktu untuk sama-sama memeriahkan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436 Hijrah.

Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada semua tetamu jemputan kerana sudi hadir untuk berbuka puasa bersama penghuni Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah Seremban pada petang ini. Saya berdoa agar setiap kerja murni dan sumbangan kita mendapat ganjaran yang berganda daripada Allah SWT.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.